

Hawa Convention 2020 Kongsi Ilmu Bermanfaat

Oleh: Filzah Athirah Hussin, 1180268



Gambar menunjukkan program menarik dalam Hawa Convention 2020

NILAI: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menganjurkan Hawa Convention 2020 bermula 7 November sehingga 22 November lalu.

Bertemakan *Beauty With Brain*, program ini telah berlangsung di aplikasi *Facebook Live* dengan pelbagai slot dan pengisian yang menarik antaranya slot Inspirasi *Incredible Women Inspire The World*.

Panel jemputan pada slot Inspirasi pada kali ini ialah Aisyah Hujanah yang merupakan *Social Media Influencer*, penulis buku dan juga seorang usahawan muda.

Tujuan slot Inspirasi ini adalah bagi menerangkan bagaimana untuk menjadi wanita yang hebat dan pendedahan mengenai pembentukan diri wanita, peranan serta bagaimana kompetensi dan juga kapasiti wanita dalam menyumbang kepada masyarakat.

“Beliau menekankan peranan seorang wanita adalah sebagai pembantu tulang belakang lelaki bagi membentuk masyarakat. Beliau juga menekankan pengurusan emosi bagi seorang wanita terutamanya bagi wanita berjaya,” kata Abidah Zahari selaku *moderator* bagi slot Inspirasi kali ini.



Gambar menunjukkan slot Inspirasi bersama Aisyah Hijamah

Katanya lagi, slot ini sangat memberi manfaat dan cuba memberi kesan kepada wanita dengan perkongsian pengalaman oleh panel sendiri. Beliau juga mengatakan kita mestilah sentiasa memperbaiki diri untuk menjadi idola kepada orang lain.

Salah seorang mahasiswi yang menghadiri slot Inspirasi ini, Nur Maisya Aida Muda, berkongsi bahawa wanita ini lemah dari dua aspek iaitu emosi dan juga fizikal.

Tambahnya lagi, seorang wanita perlu mencari ilmu dan mendidik diri sendiri untuk mendapatkan sesuatu dalam hidup.

Amirah Zainina Anuar, selaku Ahli Jawatankuasa (AJK) Hawa Convention bagi Unit Pengisian mengatakan slot ini membincangkan cara wanita mengawal emosi dan membangunkan diri dengan bakat yang kita ada serta bagaimana seorang wanita membahagikan masa dengan bijak.

“Program ini julung-julung kali dianjurkan oleh pihak MPP dari 2012 sehinggalah sekarang dan ia patut diteruskan kerana program seperti ini memberi pengetahuan dan juga pendedahan kepada wanita tentang pelbagai ilmu,” katanya.

Tambah Amirah, program seperti ini patut diteruskan terutamanya bagi mahasiswi USIM dalam membuat persediaan yang rapi untuk menjadi wanita yang lebih berjaya dan memberi sumbangan kepada masyarakat dalam pelbagai aspek.